

16/04/2001

Penggambaran filem Embun bermula Jun: Erma

PENGGAMBARAN filem berkonsepkan epik sejarah, Embun dijangka dapat dimulakan sekitar Jun ini, membabitkan penggambaran lebih dua bulan.

Ketika ini, proses bagi menentukan siapa bintang utama dan pelakon tambahan filem itu dalam peringkat akhir penilaian, selain beberapa masalah teknikal sedang diselesaikan.

Bagaimanapun, pihak Filem Negara Malaysia (FNM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) mengesahkan pengarah Embun ialah Erma Fatima manakala Pengurus Produksinya Kapten (B) Abdul Shukor Abdul Kadir iaitu Presiden Persatuan Pekerja Filem Malaysia (PPFM).

Penolong Pengarah Promosi Finas, Norshah Thamby, berkata senarai lengkap barisan pelakon filem itu akan diumumkan tidak lama lagi.

"Kita sedang menyelesaikan beberapa masalah berkaitan urusan teknikal dan Erma juga sedang meneliti barisan pelakon dan akan mengumumkan waktu terdekat.

"Filem ini adalah produksi besar dan ia mungkin menelan belanja antara RM1.2 juta sehingga RM1.5 juta. Bagaimanapun, ia masih dalam penelitian terutamanya persiapan untuk kerja penggambaran.

"Apapun, penggambaran untuk produksi Embun akan dimulakan Jun ini," kata Norshah kepada Persada Seni, baru-baru ini.

Pelancaran Embun dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 5 April lalu sempena kunjungannya ke Angkasapuri. Turut dipersembahkan ialah beberapa babak yang bakal dimuatkan dalam Embun.

Antara pelakon yang mengambil bahagian dalam lakonan sebabak di Auditorium Perdana itu ialah Intan Azura Sulaiman sebagai gadis bernama Embun, Hani Mohsin (Bayu), Izi Yahaya (Kyoshi), Aziz M Osman, Shamshul Azhar, Riezman Khuzaimi, Rashid Salleh serta kumpulan tarian Istana Budaya.

Sementara itu, Erma ketika dihubungi mengakui dia sedang meneliti senarai pendek untuk semua pelakon utama dan pembantu yang akan membintangi Embun.

"Minggu depan saya akan dapat tentukan siapa pelakonnya dan akan beritahu Finas mengenainya selain membuat perbincangan. Ada juga pelakon yang berlakon untuk babak di pelancarannya tempoh hari akan diambil.

"Memang sukar untuk buat casting filem ini. Bagi watak utama dan pembantu saja, saya perlukan 20 pelakon manakala untuk watak tentera Jepun, kita perlukan lebih 200 orang. Watak ekstra untuk babak orang kampung pula kita perlukan antara 150 hingga 200 orang.

"Mengenai skripnya, sekarang ia pada peringkat kedua untuk draf dan akan dibuat draf ketiga. Banyak dibuat rombakan dari segi struktur dan kita hendak kuatkan susunan babak kerana ceritanya memang sudah baik," kata Erma.

Filem Embun berdasarkan skrip karya Rohiman Haroon yang judul asalnya ialah Titisan Air Mata Embun. Pemilihan Erma sebagai pengarah berdasarkan kejayaannya meraih anugerah Pengarah Terbaik di Festival Filem Antarabangsa Pyongyang Ke-7 di Korea, tahun lalu.

(END)